

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan: Bahagian A adalah wajib dan jawab tiga daripada Bahagian B.

Bahagian A

1. Rajah A menunjukkan satu keratan sebuah rumah satu tingkat berstruktur konkrit tetulang dan berspesifikasi berikut:
  - (i) Lantai atas tanah : Konkrit pukal
  - (ii) Dinding : Batu-bata
  - (iii) Tingkap : Tingkap berengsel berbingkai kayu
  - (iv) Bumbung :
    - Curam 30°
    - Struktur kekuda kayu
    - Atap genting menggunakan Penebat Haba atau Kepingan Keluli serta Penebat Haba
    - Siling Papan Serau
  - (v) Kemasan lantai dan dinding mengikut spesifikasi sendiri.


Dengan menggunakan skel 1:20 anda dikehendaki membuat lukisan terperinci bagi setiap kawasan yang ditandakan A, B, C sambil menunjukkan segala butir-butir pembinaan, lengkap dengan spesifikasi, ukuran dan bahan-bahan yang digunakan.

( 40 markah )

...2/-

BAHAGIAN A (WAJIB)

Rajah A



Bahagian B (Jawab tiga soalan sahaja)

2. Bincangkan dan terangkan dengan menggunakan lakaran jenis-jenis asas yang digunakan dalam sesuatu sistem struktur bangunan dan jelaskan dalam keadaan apakah ianya digunakan.

( 20 markah )

3. Terangkan dengan bantuan lakaran perkara-perkara berikut:

- (a) Kriteria dan faktor-faktor yang patut dipertimbangkan dalam pemilihan jenis-jenis dinding.
- (b) Jenis-jenis dinding padu (solid wall) yang menanggung beban.

( 20 markah )

4. Siling adalah satu kemasan yang boleh melindungi struktur bumbung dari penglihatan mata kasar.

Jelaskan dengan menggunakan lakaran cara-cara pemasangan kemasan siling berikut:

- (a) Kemasan siling yang menggunakan kepingan Asbestos.
- (b) Kemasan siling yang menggunakan lepaan Plaster.
- (c) Kemasan siling yang menggunakan siling jubin.

( 20 markah )

5. Kayu adalah salah satu bahan pembinaan yang luas penggunaannya di dalam industri pembinaan. Jelaskan dengan bantuan lakaran sebab-sebab kecacatan kayu dan berikan cara-cara pengawalan yang boleh diambil.

( 20 markah )

...4/-

6. Terangkan dengan bantuan lakaran perkara-perkara berikut:

- (a) Kerangka Pintu dan jenis-jenis daun pintu.
- (b) Kritiria pembinaan dan pemilihan sesuatu tangga dan senaraikan jenis-jenis tangga yang boleh digunakan dalam sesebuah bangunan.

( 20 markah )

oooOOooo